



## JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

15 JANUARI 2021

(Untuk Siaran SEGERA)

### “KE ARAH MENANGANI PENULARAN PANDEMIK COVID19 - JPJ MENGEHADKAN TRANSAKSI KAUNTER”

Selaras dengan pengumuman pihak Kerajaan mengenai arahan PKP / PKPB / PKPP, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) amat komited di dalam mengekang penularan wabak Covid-19, di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Jabatan ini menggesa kepada seluruh orang ramai khususnya yang ingin menjalan urusan transaksi berkaitan **kenderaan persendirian**, seperti pembaharuan Lesen Memandu (LLM) dan pembaharuan Lesen Kenderaan Bermotor (LKM / *road-tax*), supaya ianya dibuat sepenuhnya melalui atas talian (**online**), sama ada ianya dibuat melalui portal Jabatan mahupun rakan niaga/MyEg. Manakala, apa-apa transaksi di kaunter hanya menumpukan kepada urusan-urusan yang berkaitan dengan kenderaan perdagangan sahaja. Inisiatif ini dibuat untuk memastikan agar semua sektor *essential* negara akan dapat diteruskan dan berjalan seperti biasa.

Sehubungan dengan itu juga, pihak JPJ amat kesal dengan insiden penularan satu video berdurasi 6:44 minit, di media sosial baru-baru ini yang memaparkan seorang orang awam yang tidak berpuas hati ekoran daripada keputusan yang dibuat oleh Jabatan ini, untuk TIDAK membuka kaunter bagi tujuan menjalankan urusan berkaitan kenderaan persendirian. Di sini, pihak Jabatan ingin menegaskan bahawa, segala

urusan yang berkaitan kenderaan persendirian, kaunter Jabatan **HANYA** dibuka kepada mana-mana transaksi yang **TIDAK** dapat dilaksanakan secara atas talian sahaja, serta atas dasar terdesak. Selain daripada itu, pengecualian ini hanya diberikan kepada mana-mana orang awam atau pelanggan Jabatan selepas mereka di"saring" terlebih dahulu oleh pegawai Jabatan di pintu-pintu masuk premis JPJ.

Langkah ini diambil mendasari kepada pengalaman yang telah dan sedang dialami oleh pihak Jabatan sendiri, yang turut terkesan dengan penularan pandemik Covid-19 ini, di mana, sehingga hari ini, pihak Jabatan telah merekodkan beberapa kes positif Covid-19 yang melibatkan beberapa warga kerja/petugas di Jabatan/ Cawangan/ Bahagian/ Unit ini. Ekoran daripada situasi ini, maka Cawangan/ Bahagian/ Unit berkenaan telah diarahkan supaya **DITUTUP** dan ianya telah dibuat sanitasi secara menyeluruh. Menyedari akan risiko penularan pandemik ini akan tersebar dengan lebih meluas ke premis-premis lain JPJ (kerana menjadi tumpuan orang awam atau pelanggan), maka langkah pengawalan "kebanjiran" ramai orang awam atau pelanggan perlu dilaksanakan secara terancang dan teratur.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mana-mana orang awam dan pelanggan yang telah menggunakan *medium* atas talian (*online*), untuk melakukan transaksi pembaharuan Lesen Memandu (LLM) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM). Sayugia dimaklumkan, supaya mereka **menyimpan resit bayaran** tersebut **sebagai bukti pembaharuan** telah dibuat, untuk tujuan pemeriksaan oleh anggota penguatkuasa Jabatan dan polis di lapangan, dan juga untuk **tujuan mengambil (*redeem*) dokumen fizikal (LLM /LKM), asal, di mana-mana kaunter JPJ (di seluruh negara ini)**, dengan menunjukkan bukti resit pembaharuan tersebut, bila mana tempoh PKP/ PKPB / PKPP, tamat nanti.

Jabatan berharap agar langkah yang dilaksanakan ini akan dapat membantu pihak Kerajaan, amnya, dan orang awam khususnya, dalam mengawal penularan wabak Covid-19, di mana pendekatan ini akan lebih berkesan dengan sokongan padu daripada semua pihak terutamanya yang melibatkan masyarakat umum kepada Jabatan ini.

Justeru itu, Jabatan ini ingin menyeru kepada seluruh masyarakat supaya menangguhkan dahulu apa-apa urusan yang TIDAK begitu mendesak (dengan Jabatan ini), ataupun memilih untuk menggunakan platform atas talian (*online*), dalam berurusan dengan Jabatan ini. Rasionalnya, bukan sahaja ianya lebih mudah dan cepat, malah proses bekerja melalui digilitasi ini adalah lebih efisien dan selamat kepada semua orang awam dan pelanggan Jabatan ini, dan seterusnya mengekang penularan pandemik Covid-19, di negara ini, amnya.

Sekian, terima kasih.

**Ibu Pejabat**

**Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia**

**-TAMAT-**